

25 MAR 2001

MAHATHIR TERUSKAN LAWATAN DENGAN MERASMIKAN TAMAN PERTANIAN SABAH

TENOM, 25 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meneruskan lawatan kerja dua hari ke Sabah dengan menghadiri satu lagi acara di daerah pedalaman.

Acara beliau di pekan ini bermula dengan perasmian Taman Pertanian Sabah pada pukul 9 pagi di Lagud Seberang, kira-kira 15km dari sini.

Taman yang memuatkan kawasan rekreasi selain kemudahan penyelidikan pertanian dan pendidikan itu mula dibuka secara percubaan hujung tahun lepas.

Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, tiba di pekan ini tengah hari semalam dari Kota Kinabalu menaiki helikopter dengan penerbangan mengambil masa kira-kira satu jam.

Selepas acara di Lagud Seberang, beliau dijadual makan tengah hari bersama pemimpin tempatan sebelum berlepas semula ke Kota Kinabalu, kira-kira 180km dari sini.

Sekembalinya di ibu negeri, Perdana Menteri akan merasmikan majlis pecah tanah kompleks pentadbiran persekutuan yang baru, tidak jauh dari Universiti Malaysia Sabah di Teluk Likas, sebelum pulang ke Kuala Lumpur pada sebelah petang.

-- BERNAMA

JS RI